

## **Teks Pengacaraan Hari Anugerah Cemerlang 2009**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh...

Salam sejahtera, Salam satu malaysia, Salam ukhwah mahabbah...

Ahlan wasahlan wamarhaban bikum kalimah pembuka tirai...

Alhamdulillah.....

Yang Berbahagia, En. Zakaria B. Ismail, Pengurus Yayasan Sungai Siput (U),

Yang Berusaha, Puan Faridah bt. Yusoff, Guru Besar Sek. Keb. R.K.T Lasah,

Yang Berusaha, En. Muzakir b. Hj. Tahir, Yang Dipertua P.I.B.G,

Yang Dihormati, En. Norizan b. Ibrahim, Pengurus FELDA Lasah, Sg. Siput (U)....

i).

ii).

iii).

Kami selaku wakil pihak majlis pada petang ini, turut sama merakamkan ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada seluruh hadirin warga dewan khususnya Yang Berbahagia..... kerana telah sudi meluangkan masa bagi bersama-sama menjayakan majlis yang kita rencanakan pada hari ini.

Bersyukur kita pada petang yang penuh barakah ini, sekali lagi dapat kita berkumpul di dalam dewan yang telah dihias indah, dilimpahi barakah bagi meraikan '**Majlis Hari Anugerah Cemerlang**' Sekolah Kebangsaan R.K.T Lasah Tahun 2009. Hari ini, tanggal 20 November 2009 bersamaan 3 Zulhijjah 1430 Masehi, warga dewan akan bersama-sama menyaksikan catatan kenangan manis buat para penerima anugerah tahun ini.

Hadirin warga dewan yang dihormati sekalian,

Hari anugerah kecemerlangan yang diraikan saban tahun ini, antara lain mengundang objektif untuk menjadi paksi kepada para pelajar bagi mengukir kecemerlangan dalam segenap bidang pendidikan terutamanya dalam peperiksaan awam waimma peperiksaan dalaman.

Majlis yang menjadi agenda wajib dalam takwim tahunan sekolah ini turut menganugerahkan penghargaan kepada para pelajar yang mempraktikkan

budaya membaca melalui Penganugerahan Sijil dan Hadiah Galakan Membaca, Hafazan dan beberapa anugerah khas yang lain. Justeru, adalah menjadi harapan kami warga pendidik agar ianya menjadi tonggak bagi memulakan anjakan paradigma dan pencetus revolusi dalam diri para pelajar ini.

Sebelum tirai dibuka, sebelum majlis bermula, moleklah kiranya bersama-sama kita menadah tangan memohon limpah rahmat dan barakah kepada Yang Esa bersama wakil kita pada hari ini iaitu Yang Mulia Ustaz..... . Dengan limpah takzimnya, majlis mempersilakan.

~BACAAN DOA~

**PANTUN:**

Tangan ditadah penuh inayah,  
Majlis dibuka penuh rahmatNya,  
Mohon keberkatan serta hidayah,  
Moga tercerna minda kelas pertama.

Jutaan terima kasih kami rakamkan kepada Al-Fadzil Ustaz.....

Semoga dengan kalimah doa ini diberkati hendaknya segala hasrat yang direncana...insyaAllah.

Hadirin warga dewan yang saya hormati,

Agenda majlis pada hari ini diteruskan dengan ucaptama daripada Yang Berusaha, En. Muzakir b. Hj. Tahir, Yang Dipertua Persatuan Ibu bapa Dan Guru-guru Sekolah Kebangsaan R.K.T Lasah. Majlis dengan ini mempersilakan.

~UCAPAN Y.D.P~

Begitulah bait-bait ucapan daripada Yang Dipertua Persatuan Ibu bapa Dan Guru-guru Sekolah Kebangsaan R.K.T Lasah. Sekali lagi pihak majlis mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berbahagia, Encik Muzakir b. Hj. Tahir selaku Yang Dipertua Persatuan Ibu bapa Dan Guru-guru Sekolah Kebangsaan R.K.T Lasah.

Majlis diteruskan lagi dengan mempersilakan Yang Berusaha, Puan Faridah bt. Yusoff, Guru Besar Sek. Keb. R.K.T Lasah bagi menyampaikan sepatah dua kata. Majlis dengan segala hormatnya mempersilakan.

~UCAPAN G.B~

Adalah menjadi harapan kami agar kata-kata yang telah diluahkan tadi menjadi renungan dan panduan untuk kita bersama...insyaAllah. Jutaan terima kasih turut disusun kepada Puan Guru Besar atas ucapan yang telah disampaikan.

Aturcara majlis seterusnya berbesar hati mempersilakan Yang Berbahagia, En. Zakaria B. Ismail, Pengurus Yayasan Sungai Siput (U), bagi menyampaikan ucapannya sekaligus menyempurnakan perasmian '**Majlis Hari Anugerah Cemerlang 2009**' pada kali ini. Dengan segala hormatnya dipersilakan.

~UCAPAN PERASMIAN~

Pihak majlis menghimpunkan ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga atas ucapan perasmian yang telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia, En. Zakaria B. Ismail selaku tetamu jemputan khas majlis pada hari ini.

**PANTUN:**

Indah budi kerna jasa,  
Indah manusia kerna bahasa,  
Budimu tuan tidak dilupa,  
Semoga bahagia melimpah berkatNya....

Pihak majlis seterusnya berbesar hati untuk memberikan sedikit tanda kenangan sebagai penghargaan dan tanda ucapan terima kasih kami kepada Yang Berbahagia, En. Zakaria B. Ismail kerana telah sudi hadir dan menyerikan lagi acara perasmian '**Majlis Hari Anugerah Cemerlang 2009**' pada kali ini. Terlebih dahulu, majlis menjemput Yang Berusaha Puan Faridah bt. Yusoff, Guru Besar Sekolah Kebangsaan R.K.T Lasah diiringi oleh Yang Berusaha, En. Muzakir b. Hj. Tahir, Yang Dipertua P.I.B.G untuk naik ke pentas bagi menyempurnakan agenda.

Majlis dengan segala hormatnya mempersilakan Yang Berbahagia En. Zakaria B. Ismail untuk menerima tanda penghargaan daripada pihak majlis...dipersilakan.

~PENYAMPAIAN CENDERAHATI~

Majlis dengan ini merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada Yang Berusaha Puan Faridah bt. Yusoff, Guru Besar Sekolah Kebangsaan R.K.T Lasah dan Yang Berusaha En. Muzakir b. Hj. Tahir Yang Dipertua P.I.B.G kerana telah sudi menyempurnakan acara penyampaian cenderahati itu tadi.

Hadirin sekalian,

Majlis kita ketika ini akan diserikan dengan alunan koir yang akan dipersembahkan oleh kumpulan murid daripada Tahun 6. Mereka akan menyampaikan dua buah lagu yang bertajuk '**Terlalu Istimewa**' dan '**Satu Malaysia**'. Majlis sukacitanya mempersilakan...

~NYANYIAN~

Begitulah asyiknya persembahan koir daripada murid-murid tahun 6. Kumpulan koir ini adalah hasil sentuhan Puan Farah Wahida bt. Zainudin.

Sidang hadirin yang dirahmati Allah Sekelian,

Kini tibalah masanya yang dinantikan oleh semua calon yang telah berjaya mencatat kecemerlangan saban tahun ini untuk menerima anugerah masing-masing. Bagi memenuhi

impian calon-calon ini, pihak majlis sukacitanya mempersilakan .....

bagi menyempurnakan acara Penyampaian Hadiah Pencapaian Akademik Terbaik 2009.

~PENYAMPAIAN ANUGERAH~

Majlis merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada ..... kerana sudi untuk menyempurnakan agenda sebentar tadi.

Seterusnya, akan disampaikan pula hadiah bagi Pencapaian Matapelajaran Terbaik dalam

Peperiksaan Akhir Tahun baru-baru ini. Dengan itu, majlis menjemput .....

bagi menyampaikan anugerah ini.

~PENYAMPAIAN ANUGERAH~

Ribuan terima kasih diucapkan kepada .....  
kerana telah sudi menyampaikan anugerah bagi kategori ini.

Selain daripada hadiah kepada murid-murid yang cemerlang dalam bidang akademik, pihak sekolah juga turut menyediakan hadiah dan penghargaan kepada murid-murid yang telah banyak membantu para guru dalam melicinkan lagi pentadbiran sekolah iaitu terdiri daripada pengawas sekolah, pengawas Pusat Sumber Sekolah dan Ketua-Ketua Kelas. Mereka ini digambarkan sebagai mata, telinga dan tangan kiri kepada para guru di sekolah ini.

Bagi menyempurnakan anugerah ini, majlis dengan berbesar hati mempersilakan

.....untuk naik ke pentas bagi menyampaikan sijil-sijil penghargaan.

~PENYAMPAIAN ANUGERAH~

Majlis dengan ini merakamkan ucapan jutaan terima kasih atas kesudian ..... kerana menyempurnakan penyampaian sijil penghargaan itu tadi.

**PANTUN:**

Hati berbunga terima penghargaan,

Menjadi azimat kekal abadi,

Sebuah pentomin bakal disaksikan,

Mari bersama kita hayati.

Dengan itu, pihak majlis sukacita mengajak hadirin-hadirat sekalian untuk bersama-sama menyaksikan sebuah pentomin yang bertajuk 'Tragedi Buku Teks' yang akan dipersembahkan oleh kumpulan murid daripada kelab S.P.B.T. Dipersilakan.....

~PERSEMBAHAN~

Persembahan yang begitu mengasyikkan itu tadi adalah di bawah kelolaan Puan Norazrina bt. Tahrim selaku Guru Penasihat Kelab Skim Pinjaman Buku Teks atau S.P.B.T.

'Membaca Jambatan Ilmu'....

Satu tamsilan yang sering terngiang-ngiang di telinga yang mana ianya bukan sahaja membuktikan bahawa melalui bacaan sahaja kita dapat menambahkan ilmu, malahan dengan membaca juga dapat mengubah cara dan gaya kita berfikir. Justeru, pihak majlis hari ini turut menyediakan hadiah serta sijil galakan membaca yang mana penyampaianya akan disempurnakan oleh ..... selaku .....

Majlis ..... dengan ..... ini mempersilakan ..... untuk naik ke pentas. Dengan segala hormatnya dipersilakan.

~PENYAMPAIAN ANUGERAH~

Jutaan terima kasih dirakamkan oleh pihak majlis kepada ..... kerana telah sudi menyampaikan hadiah-hadiah dan siji- siji kepada para penerima.

Saudara-Saudari, Hadirin-Hadirat sekalian,

Dalam kita menjalani kehidupan sebagai insan bernama khalifah di muka bumi Allah s.w.t ini, adalah menjadi tuntutan rohani dalam setiap diri individu insan untuk beragama. Nilai-nilai keagamaan berlandaskan syariah dan sunnah ini haruslah diterapkan dalam diri kita semua sejak dari azali lagi. Lantaran itu, sekolah mengambil pelbagai inisiatif bagi mewujudkan nilai islamiah dalam diri setiap murid-murid di sekolah ini. Untuk menyampaikan anugerah bagi Sijil Pendidikan Agama Islam Tahun 6 dan Penyampaian Saguhati Hafazan peringkat sekolah ini, majlis sukacitanya mempersilakan ..... .. bagi menyempurnakan acara penyampaian saguhati dan sijil-sijil kepada para penerima.

~PENYAMPAIAN ANUGERAH~

Majlis ..... menyusun ucapan jutaan terima kasih kepada ..... kerana telah sudi untuk menyempurnakan agenda penyampaian saguhati dan sijil-sijil itu tadi.

Warga dewan sekalian,

Saban tahun sekolah menyediakan pelbagai anugerah khas untuk menjadi galakan sekaligus tauladan kepada semua murid. Ini bukan sahaja dapat membantu mereka untuk menjadi lebih berdisiplin malah ianya akan menjadi tunggak untuk mereka menjadi lebih berjaya pada masa akan datang.

Bagi menyerikan acara penyampaian anugerah khas yang telah disusun, pihak majlis pada petang ini berbesar hati mempersilakan ..... untuk naik ke pentas.

**-Lampiran akhlak mulia thp 1.**

Tahniah diucapkan kepada adik.....

**-Lampiran akhlak mulia thp 2.**

Adalah diharapkan kedua-dua anak ini dapat menjadi role model kepada murid-murid yang lain...insyaAllah...

**-Lampiran anugerah khas ko-kurikulum....**

**-Lampiran Pencapaian istimewa....**

**-Lampiran murid contoh.....**

Hadirin sekalian,

Seramai ..... orang murid berjaya mencatat kecemerlangan dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (U.P.S.R) tahun ini. Oleh yang demikian, pihak majlis sukacitanya mempersilakan murid-murid bertuah ini untuk menerima anugerah atas kejayaan mereka mengharumkan nama sekolah sekaligus mengukir kejayaan dalam diari hidup masing-masing.

~PENYAMPAIAN ANUGERAH~

Pihak majlis sekali lagi menyusun ucapan jutaan terima kasih atas kesudian Yang Berbahagia, En. Zakaria B. Ismail kerana telah sudi menyampaikan anugerah-anugerah ini.

**PANTUN:**

Bersyukur kini kami panjatkan,  
Majlis anugerah telah disempurnakan,  
Sekalung penghargaan kami hулurkan,  
Segulung tahniah kami ucapkan....

Bagi meneruskan acara kita pada petang ini, pihak majlis seterusnya mempersilakan murid-murid daripada Tahun 6 sekali lagi mempersembahkan sebuah koir yang bertajuk 'Doa Perpisahan'.

Majlis dengan ini mempersembahkan.....

~PERSEMBAHAN~

Alunan koir itu tadi merupakan hasil sentuhan kreatif Puan Farah Wahida bt. Zainudin. Pihak majlis juga turut merakamkan ucapan jutaan terima kasih dengan persembahan yang begitu menghiburkan itu tadi.

Dengan berakhirnya alunan koir itu tadi, maka tibalah masanya untuk kami selaku pengendali majlis untuk mengundurkan diri. Pihak majlis juga menyusun sepuluh jari memohon ampun dan maaf sekiranya ada terlanjur kata, terlampau cara sepanjang kami mengendalikan majlis ini.

Sesungguhnya yang baik itu datangnya dari Allah S.W.T dan kekurangan itu wujudnya daripada kelemahan kami sebagai makhluk Allah bernama insan.

**PANTUN:**

Pohon kenangan elok merimbun  
Tersenyum dara menyunting bunganya  
Kami menghimpun maaf dan ampun  
Wacana hidup berkat selamanya.

Majlis berakhir penuh syafaat

Menjadi ingatan sepanjang zaman



Amalan sepakat membawa berkat  
Hidup beramal bertunjang iman.

Sekian wabillahi taufik.....